

**SOALAN NO. 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT  
PENGKAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong (Alor Gajah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah progres Kementerian dalam menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di mahkamah sivil bagi menangani masalah pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, perkhidmatan **Bantuan Sokongan Keluarga (BSK)** ini telah dimulakan di Mahkamah Syariah. BSK ditubuhkan di mahkamah Syariah kerana isu tuntutan nafkah dan penguatkuasaannya sering menjadi rungutan terutama di kalangan isteri atau isteri yang diceraikan atau ibu kepada kanak-kanak yang diceraikan. Mesyuarat Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 46 pada 7 Jun 2007 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan tuntutan dan penguatkuasaan Perintah Nafkah.

Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menawarkan perkhidmatan melalui Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan (UKNP), Unit Pengurusan Dana (UPD) dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) di seluruh Malaysia di seluruh Malaysia. Statistik pengurusan kes oleh BSK bagi 2016 adalah, bagi **Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP)**, jumlah daftar

keseluruhan kes baharu dan lama iaitu kes 2015 yang belum selesai di bawah UKNP sebanyak 1598. Daripada jumlah 1598 kes tersebut sebanyak 1359 (85%) kes telah dapat diselesaikan, bagi **Unit Pengurusan Dana (UPD)**, jumlah daftar keseluruhan kes baharu dan lama iaitu kes 2015 yang belum selesai, sebanyak 380. Daripada jumlah 380 kes tersebut sebanyak 100 (26%) kes telah dapat diselesaikan dan bagi **Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP)**, jumlah daftar keseluruhan kes baharu dan lama iaitu kes 2015 yang belum selesai di bawah UPPP adalah sebanyak 1714. Daripada jumlah 1714 kes tersebut sebanyak 1027 (59%) kes telah dapat diselesaikan.

Bagi golongan bukan Islam, setakat ini belum ada perkhidmatan BSK disediakan walaupun statistik menunjukkan keperluan untuk perkhidmatan BSK. Atas dasar ini, dicadangkan perkhidmatan BSK turut disediakan kepada golongan bukan Islam dalam mereka menghadapi permasalahan bagi perkara yang melibatkan perkara undang-undang.

Projek rintis akan dilaksanakan di mahkamah tinggi di Kuala Lumpur dan Selangor dan dijangka dua (2) bantuan sokongan keluarga ini dapat beroperasi selewat-lewatnya pada akhir tahun 2017. Penyelarasan dan mesyuarat susulan sedang diadakan di antara Jabatan Pembangunan Wanita, KPWKM bersama Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah

Persekutuan Malaysia, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi merealisasikan perkara ini.